

## **Kepimpinan Mengikut Perspektif Islam**

Nik Karimah binti Nik Hassan  
Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Kepimpinan merealisasikan tujuan hidup manusia di muka bumi ini sebagai khalifah, demi mewujudkan kebaikan dan proses penambahbaikan sesebuah organisasi, dan masyarakat amnya. Allah SWT telah memberi pelajaran kepada manusia, tentang pentingnya kepimpinan dalam islam, sebagaimana firmannya dalam surah al Baqarah: ayat 30 yang bermaksud: "Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi". Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui". Ayat ini mengisyaratkan bahwa khalifah (pemimpin) adalah pemegang mandat Allah SWT untuk mengembang amanah dan kepimpinan langit ke atas makhluk di muka bumi. Setiap manusia adalah khalifah (pemimpin) kepada dirinya sendiri, kepada orang yang dipimpin dan juga masyarakat umum keseluruhan.

Seterusnya Allah berfirman dalam surah An-Nisa: ayat 59 yang bermaksud "Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah SWT dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah SWT (Al Qur'an) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah SWT dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya".

"Kami telah menjadikan mereka itu sebagai pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami dan telah Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebajikan, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan hanya kepada Kamilah mereka selalu menyembah". (Al-Anbiya': 73)

Rasulullah S.A.W. memerintahkan kepimpinan walau di dalam kumpulan kecil sebagaimana sabdanya yang bermaksud: "jika tiga orang keluar dalam satu perjalanan, maka hendaklah mereka memilih salah satu di antaranya sebagai

pemimpin”. Saidina Umar R.A pernah berkata, “Tiada Islam tanpa jamaah, tiada jamaah tanpa kepemimpinan dan tiada kepemimpinan tanpa taat”. Seterusnya, Saidina Umar RA berkata:”Kita adalah kaum yang diberi kemuliaan dengan Islam, maka sesiapa yang mencari selain daripada Islam, Allah akan memberi kehinaan kepadanya.

Kepimpinan amat penting dalam membina dan membangunkan sesebuah organisasi samada organisasi kerajaan atau perniagaan. Berjaya atau gagal nya sesebuah organisasi banyak ditentukan oleh ciri-ciri peribadi yang juga dipanggil akhlak pemimpin dan gaya kepemimpinan pemimpin organisasi berkenaan. Justeru, penulis mendefinasi kepemimpinan adalah satu seni dalam menghubungkan perilaku manusia, pengaruh, daya tindakan ke arah matlamat tertentu dengan cara yang boleh menjamin kepatuhan, kepercayaan dan penghormatan pemimpin dan orang yang dipimpin.

Pada prinsipnya menurut Islam setiap orang adalah pemimpin. Ini selaras dengan fungsi dan peranan manusia di muka bumi sebagai khalifah tullah, yang diberi tugas untuk sentiasa mengabdikan dan beribadah kepadaNya. Kita sebagai manusia yang cenderung untuk melakukan kerosakan, kesilapan melainkan Rasulullah yang maksum perlu kepada kepemimpinan pemimpin yang dapat memimpin kehidupan dunia yang sejahtera untuk mendapatkan kesejahteraan akhirat. Allah memberi pelajaran kepada manusia bagaimana untuk memimpin melalui firmanNya yang bermaksud seperti berikut:

"Dan Kami jadikan di antara mereka itu pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami ketika mereka sabar. Dan adalah mereka meyakini ayat-ayat Kami". (As-Sajdah: 24)

“Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar menegakkan keadilan, menjadi saksi karena Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau bapak ibu dan kaum kerabatmu. Jika ia kaya atau miskin, Allah lebih mengetahui kemaslahatan keduanya”. (Qs. An-Nisa; 4: 135)

“Hai orang-orang yang beriman! Tegakkanlah keadilan sebagai saksi karena Allah. Dan janganlah rasa benci mendorong kamu berlaku tidak adil. Berlaku adillah, karena itu lebih dekat dengan taqwa...” (Q.s. Al-Maidah 5: 8)

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat". (An-Nisa' : 58)

“Hai Daud, sesungguhnya Kami menjadikan kamu khalifah (penguasa) di muka bumi, maka berilah keputusan (perkara) di antara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu, karena ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah SWT. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah SWT akan mendapat azab yang berat, karena mereka melupakan hari perhitungan.” (Qs Shad: 26)

Pemimpin kalangan manusia yang tidak maksum yang penulis jadikan teladan adalah Saidina Ali. Pandangan Rasulullah S.A.W adalah seperti berikut:

" Aku ( Rasulullah SAW ) adalah kota ilmu, manakala Ali adalah pintunya, maka barangsiapa yang mahukan ilmu hendaklah datang melalui pintunya."(Riwayat at-Tirmizi)

Bahkan Nabi shallallahu'alaihi wasallam pernah bersabda tentang dirinya,

“Kedudukanmu di sisiku seperti kedudukan Harun di sisi Musa. Hanya tidak ada nabi setelahku” (HR. Muslim no. 4418).

Pandangan Dharar tentang Saidina Ali begini, “Ali adalah orang yang visinya jauh ke depan, lelaki yang kuat, bicaranya jelas, keputusannya adil, menguasai

banyak cabang ilmu, dan perkataannya bijak. Menjauh dari hingar-bingar dunia, bersahabat dengan sunyinya malam (untuk beribadah), mudah menangis (karena takut kepada Allah), suka pakaian pendek (sederhana), makanannya makanan rakyat kecil. Beliau di kalangan kami seperti sudah bagian dari kami. Bila dimintai beliau menyanggupi dan bila diundang beliau datang. Namun kedekatannya dengan kami dan akrabnya kami dengan beliau, kami tetap merasa segan dengan beliau. Ali adalah pemimpin yang memuliakan para alim ulama, tidak menjauh dari orang-orang miskin. Dalam kepemimpinan beliau, orang yang kuat tidak boleh sekehendak melakukan kezaliman, dan orang yang lemah tidak khawatir akan keadilannya” (Al Khulafa ar Rasyidun: Ali bin Abi Thalib hal: 14-15).

Justeru, Akhlak dan sifat-sifat yang perlu ada dalam diri setiap pemimpin organisasi mengikut Islam adalah seperti berikut:

1. Sentiasa mengharapkan balasan akhirat dan ikhlas kerana Allah semata-mata.
2. Mempunyai hati yang bersih, jauh dari segala penyakit jiwa yang meruntuhkan amal dan usahanya seperti riya', gila kuasa, cinta pangkat kebesaran dan pengaruh atau terpedaya dirinya dan lain-lain penyakit jiwa yang merosakkan kepimpinan.
3. Mempunyai akal yang kuat, 'wisdom' atau hikmah, cerdik cendiakawan dan arif bijaksana, berpengalaman, pandangan yang tajam, pembacaan yang luas, mampu mengetahui pelbagai perkara dari berbagai sudut.
4. Berakhlak dengan sifat al hilm (tidak mudah marah), penyantun, pengasih dan lemah lembut.
5. Berani, bermaruah, tidak penakut dan tidak membabi buta.
6. Mempunyai sifat "As Siddiq", benar di dalam segala kata-kata, sikap dan perbuatan.
7. Tawadhu iaitu merendah diri, tidak membanggakan diri kepada manusia.
8. Mempunyai sifat pemaaf, menahan kemarahan dan ihsan kepada orang bawahan yang berbuat jahat kepadanya.
9. Menepati janji dan memenuhi sumpah setia
10. Mempunyai sifat sabra yang tinggi
11. Bersifat "Al Iffah" iaitu suci hati, jiwa dan amal
12. Bersifat "Al Kiram" iaitu pemurah dan tidak bakhil

13. Warak dan zuhud
14. Jauh dari sifat “Al Mannu” iaitu mengungkit dan memperkatakan kebaikan diri sendiri.
15. Memelihara perkara-perkara yang dimuliakan Allah
16. Mempunyai kesejahteraan hati iaitu tidak melayani orang yang mengumpat dan mengadu domba antara sesama manusia
17. Mempunyai keazaman, tawakal dan tidak ragu.
18. Bersederhana di dalam segala perkara
19. Menjauhi sikap putus asa

Semoga kita menghayati ciri-ciri kepimpinan dalam Islam dalam amalan tindakan kita semasa berhubungan dengan orang lain di dalam segala urusan kerja di dunia supaya keadilan benar-benar tersebar. Bahkan tidak hanya kaum muslimin yang merasakan, orang-orang bukan muslim juga merasakan keadilan tersebut. Amalan ini akan meningkatkan maruah diri kita sebagai pemimpin dan seterusnya mengangkat maruah diri orang yang dipimpin. Natiujahnya akan lahir masyarakat sejahtera yang mendorong kepada terciptanya masyarakat yang sejahtera akhirnya.

### **Rujukan:**

Al Quran

Mohamad Yusuf. 2014. Hadis Qudsi. Telaga Biru Sdn Bhd. Malaysia

Abu Jannah. 2009. Al Khulafa ar Rasyidun: Ali bin Abi Thalib. Pustaka Al Inabah, Indonesia.

<http://semakhadis.com/aku-adalah-kota-ilmu-dan-ali-itu-adalah-pintunya/>